

**KAJIAN MASALAH KECACATAN RUMAH PASANG SIAP
DI PENEMPATAN SEMULA DI SUNGAI PAU, SIK, KEDAH**

NOR IZYANI BINTI ABDULLAH

**Laporan projek ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan
Ijazah Sarjana Muda Ukur Bahan (Kepujian)**

**Fakulti Alam Bina
Universiti Teknologi Malaysia**

NOVEMBER, 2006

ABSTRAK

Penempatan Semula di Sungai Pau, Sik, Kedah merupakan projek perumahan di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar yang dibina sebagai pampasan kepada penduduk yang terlibat dengan pelaksanaan Projek Empangan Beris. Penempatan yang terdiri daripada 600 buah rumah dua tingkat ini telah siap dibina pada 12 November 2002 dengan menggunakan teknik Pembinaan Secara Berindustri (IBS). IBS boleh membantu meningkatkan kualiti pembinaan, walau bagaimanapun, pembinaan yang kurang bermutu disebabkan oleh kurangnya pengetahuan, kemahiran dan kepakaran dalam pengaplikasiannya akan mengundang pelbagai masalah. Produk akhir yang dihasilkan tidak mampu memenuhi kriteria reka bentuk dan kepuasan yang dikehendaki oleh pengguna seperti yang terjadi pada rumah di kawasan kajian. Masalah kecacatan yang berlaku pada rumah di penempatan ini telah mengganggu keselesaan penghuninya. Kajian ini telah dilaksanakan untuk mengenalpasti kecacatan dan faktor yang menyebabkan masalah tersebut. Maka objektif bagi kajian ini ialah mengenalpasti masalah kecacatan rumah pasang siap yang tertumpu kepada Penempatan Semula di Sungai Pau, Sik, Kedah. Borang soal selidik yang mengandungi senarai kecacatan telah diedarkan kepada 60 orang responden untuk mengumpul data kajian. Teknik 'Skala Likert' dan frekuensi telah digunakan untuk mengenalpasti tahap, kekerapan dan faktor kecacatan. Kajian mendapati bahawa kecacatan yang terjadi pada rumah kediaman tersebut bukanlah berpunca daripada penggunaan teknik IBS, tetapi disebabkan oleh kualiti bahan yang digunakan untuk mengeluarkan komponen bangunan.

ABSTRACT

Resettlement at Sungai Pau, Sik, Kedah is a housing project under the Ministry of Rural Development which was constructed as compensation to the people who were affected by Beris Dam Project. The resettlement consisting of 600 double storey houses was completed on 12th November 2002 by using *Industrialized Building System (IBS)* technique. IBS can help to improve the construction quality, however, inferior construction due to lack of knowledge, skill and expertise in its application has given rise to various problems. The final products did not fulfill design criteria and was unable to satisfy consumer requirements as had happened to the houses in the research location. The defect problems that occurred in the houses of the resettlement have caused in convenience to the occupants. This research was conducted to identify the defects and the factors that cause the problem. Hence, the objective of this research is to identify the defects of the prefabricated houses that located in the Resettlement of Sungai Pau, Sik, Kedah. Questionnaires with a list of defects were distributed to 60 respondents to collect the research data. 'Likert Scale' and frequency technique was used to identify the defect level, frequency, and factors of defect. The research has found that the defects that occurred in the houses were not due to the IBS technique, but mainly due to the quality of materials being used to manufacture the building components.